



Tumpahan minyak akibat pelanggaran kapal dikesan di Sungai Rengit, Teluk Ramunia

[Mohamed Farid Noh](#)
am@hmetro.com.my



TUMPAHAN minyak yang dikesan mencemarkan kira-kira satu kilometer garis pantai Sungai Rengit dan Teluk Ramunia. FOTO Ihsan Exco Alam Sekitar Johor

Johor Bahru: Tumpahan minyak susulan pelanggaran kapal di Terminal Pasir Panjang, Singapura pada Jumaat lalu, dikesan mencemarkan kira-kira satu kilometer (km) garis pantai Sungai Rengit dan Teluk Ramunia, Pengerang, Kota Tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon berkata, tumpahan minyak berkenaan dikesan hanyut ke perairan negara iaitu di Pengerang, sejak pagi kelmarin.

"Kejadian pelanggaran kapal pada 14 Jun atau Jumaat lalu di Terminal Pasir Panjang, Singapura, sebuah pelabuhan dalam wilayah republik itu menyebabkan tumpahan minyak sebanyak 400 tan.

"Dengan keadaan ombak yang bergelora selama beberapa hari, tumpahan minyak berkenaan dikesan hanyut ke perairan negara kita iaitu di Pengerang pada pagi Rabu lalu.

Disyorkan

- [Kesan pencemaran minyak di perairan Johor pada tahap minimum - JAS](#)
- [Tumpahan minyak Singapura, lebih 100 nelayan buat laporan polis](#)
- [Kapal dagang berlanggar, minyak tumpah](#)
- [Minyak kapal berlaga tumpah](#)

"Kesan tumpahan minyak ditemui di pantai Sungai Rengit dan Teluk Ramunia dan mencemarkan kira-kira satu kilometer garis pantai lokasi berkenaan.

"Syarikat insurans yang bertanggungjawab terhadap syarikat perkapalan terbabit dalam insiden pelanggaran itu sudah melantik sebuah syarikat kontraktor yang berkemampuan untuk membersihkan tumpahan minyak sekali gus menjalankan kerja-kerja pembersihan. Semua kos akan ditanggung oleh syarikat insurans berkenaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Semalam, Kerajaan Johor dilaporkan sedang memantau kesan tumpahan minyak di perairan negeri ini susulan insiden pelanggaran kapal di Terminal Pasir Panjang, Jumaat lalu.

Tian Soon dilaporkan berkata, ia susulan kuantiti tumpahan minyak hasil pelanggaran itu adalah besar iaitu membabitkan kira-kira 400 tan.

Jumaat lalu, sebuah kapal dari Belanda, Vox Maxima dilaporkan melanggar kapal tangki minyak dari Singapura, Marine Honor di Terminal Pasir Panjang.

Ia menyebabkan kapal tangki minyak yang dilanggar bocor hingga berlaku limpahan minyak mengalir ke kawasan perairan dan laut di Terminal Pasir Panjang.

Pihak berkuasa Singapura dilaporkan memperluaskan usaha pembersihan ke lebih banyak kawasan perairan republik itu berikutan tumpahan minyak besar dikesan merebak sehingga ke perairan Changi, Sabtu lalu.

Dalam pada itu, Tian Soon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Yong Peng berkata, kerja pembersihan di kedua-dua pantai berkenaan bermula secara rasmi pagi ini.

Katanya, ia susulan penyelarasan dilakukan membabitkan pelbagai agensi semalam.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Pejabat Daerah Kota Tinggi, Jabatan Laut dan agensi lain akan terus memantau kerja pembersihan bagi memastikan kawasan pantai yang tercemar dengan minyak dibersihkan dan keadaan kembali pulih seperti biasa.

"Pihak berkuasa berkaitan juga akan terus memantau keadaan di permukaan laut dan bersedia pada bila-bila masa bagi menghadapi apa jua kemungkinan.

"JAS Johor dan Agensi Alam Sekitar Kebangsaan (NEA) Singapura akan terus bekerjasama dan berkongsi maklumat untuk memastikan insiden pencemaran minyak ini dapat diselesaikan dengan berkesan," katanya.

Disiarkan pada: Jun 21, 2024 @ 3:46pm




LIMELIGHT MEDIA

Here are The First Omen's biggest burning questions, answered

LEARN MOF

Berita Berkaitan



MUTAKHIR Jun 20, 2024 @ 6:04pm

[Tumpahan minyak akibat pelanggaran kapal, Jas pantau perairan Pengerang](#)



MUTAKHIR sejam yang lepas

[Tumpahan minyak Singapura: Kerja pembersihan siap 100 peratus](#)



MUTAKHIR Jun 25, 2024 @ 7:33pm



MUTAKHIR Jun 21, 2024 @ 3:57pm

[Tumpahan minyak Singapura: 35 tan sisa berminyak dikumpul](#)

[Tumpahan minyak Singapura: Air laut berubah gelap kehitaman, berbau](#)

AXIA Rahmah E 1.0 Mt, paling murah, jimat minyak

MUDAH.MY | SPONSORED

Buy now

Ini Yang Berlaku Apabila Anda Tuang Ubat Gigi Dalam Mangkuk Tandas

THE TRAVEL BREEZE | SPONSORED

Dia tidak pernah buang kulit oren dan ini sebab rakyat Malaysia perlu tahu mengenainya!

WOMEN'S METHOD | SPONSORED

Rumah Busuk Taman Bersatu Ayer Tawar

Find Best Deals at Mudah.my

MUDAHPROPERTYMY | SPONSORED

View now

Banglo Setingkat Tanah Hampir 1 Ekar Lenggeng

Find Best Deals at Mudah.my

MUDAHPROPERTYMY | SPONSORED

View now

2010 Nissan Teana Premium 2.5 (A)

Premium

CARICARZ MY | SPONSORED

View now

KUL-ORD

EVAARMY | SPONSORED

Book ▶

Yes 5G Infinite Basic 12M Plan

Terbaik untuk Data 5G Tanpa Batasan

YES MY | SPONSORED

Shop now

KUL-SEA

EVAARMY | SPONSORED

Book ▶

Warga Emas Boleh Nikmati Insurans Kesihatan Swasta Dengan Harga Murah! (Lihat Senarai)

HEALTH INSURANCE | MENCARI IKLAN | SPONSORED

Get the smarter choice for 5G

No data cap, no speed cap

YES MY | SPONSORED

Shop now

20 Kegunaan WD-40 Yang Mungkin Tidak Pernah Anda Fikirkan

WOMEN'S METHOD | SPONSORED



[Cara kami jaga kesihatan!](#)



[Pemandu Lamborghini rentung dikenal pasti warga emas 62 tahun](#)



[Kami tak perlukan Syed Abu Hussin - Umno Bukit Gantang](#)



[Derita kami](#)



[Misteri suara mengilai atas bumbung masjid](#)

Mutakhir



[Bersatu Kelantan serah tiga nama calon PRK Dun Nenggiri minggu depan](#)



[Tumpahan minyak Singapura: Kerja pembersihan siap 100 peratus](#)



[2 anggota polis cedera, MPV dilanggar ketika bertugas](#)



[Wanita dikhuatiri lemas selepas dihanyutkan arus banjir](#)



[Nadi bantu suri rumah raih pendapatan empat angka](#)




[PRK Sungai Bakap: 'Akmal vs Sanusi'](#)

Disyorkan



[PERMOTORAN 11 jam yang lepas](#)
[Russell unggul GP Austria, Verstappen tempat kelima](#)



[BOLA SEPAK 12 jam yang lepas](#)
[Awang import Negeri Sembilan mangsa ragut](#)



[BOLA SEPAK 12 jam yang lepas](#)
[Juventus destinasi baharu Luiz](#)



BOLA SEPAK 10 jam yang lepas
Kvaratskhelia 'raja' gelecek, Lamine Yamal di tempat kedua



MUTAKHIR 11 jam yang lepas
PRK Sungai Bakap: 'Akmal vs Sanusi'

MyResipi



Projek Mangkuk Tingkat – Inisiatif MyResipi Untuk Galak Orang Bawa Bekal & Peraduan Menang Pinggan Le Nona!



Apam Lenggang Lemak Manis & Rangup, Sedap Macam Orang Dulu-Dulu Buat



Resipi Pengat Bebola Durian, Bentuk Bulat-Bulat Comel & Kenyal Bila Makan!



Cara Perah Santan Lagi Pekat & Tak Cepat Basi, Rupanya Kena Guna 'Air Ini'



Roti Sosej Kukus Guna 5 Bahan, Tak Goreng Pun Tetap Lembut Dan Gebu

Seismik



Isu Imej Iklan 'Double Meaning', The Noor Tegaskan Tiada Kaitan Dengan Produk...



Jom Sertai LG Run & Berpeluang Bawa Pulang Hadiah Utama LG Washtower Serta Wang...



[TIPS] Jangan Buat 5 Perkara Ini Masa Majlis Kahwin Kalau Tak Nak Menyesa!




Cara Mydin Malaysia Promote Baju Sukan Ini Undang Perhatian Ramai - "Laju Eh..."



Rindu Tiada Penghujung, Gadis Tak Sangka Jumpa Wanita Miliki Wajah Sama Dengan...

SirapLimau



"Projek Mangkuk Tingkat" Hias Bekal Dengan Kreatif & Menangi Set Istimewa Ini!



Wajah Terkini Bayi Kembar Tiga Popular 'The Return of Superman', Dah Sama...



[Resipi IKAN PERCIK 'Viral' Warisan Keluarga, Ramai Netizen Telah Jatuh Cinta!](#)



[Karnival Jom Heboh 2024 Kini Merentas Ke Selatan, Jom Jumpa Di Melaka!](#)



[Sulung Makan Hati 5 Adik Tak Kenang Budi, Ambil Semua Duit Terus Tak Bagi Muka!](#)



© 2024 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd (Co. No. 196101000449 / 4485 H).
A part of Media Prima Group.

[Titipan Kasih](#)
[Laman Haramain](#)
[Hubungi Kami](#)
[Team myMetro](#)
[RSS Feed](#)
[Disclaimer](#)
[Notis Perlindungan](#)
[Data Peribadi](#)

[Utama](#)
[Mutakhir](#)
[Global](#)
[Arena](#)
[Rap/Rapxtra](#)
[Bisnes](#)
[MetroTV](#)

[Akademia](#)
[#ITMetro](#)
[Ku Bela](#)
[Santai](#)
[P&P](#)
[Dekotaman](#)
[WM](#)

[Addin](#)
[Rencana](#)
[Sihat](#)
[Xpresi](#)
[Vroom](#)
[Galeri](#)
[Infografik](#)

RADIO
[Dapatkan Audio+](#)
[Hot FM](#)
[Buletin FM](#)
[Fly FM](#)
[Eight FM](#)
[Molek FM](#)